

LIM 3 JUN 2002

Fadzil Noor mengaku pelanggan Klinik Maha

KOTA BHARU 2 Jun — Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, beliau masih merupakan pelanggan setia Klinik Maha di Alor Setar milik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad suatu waktu dahulu.

Menurutnya, klinik tersebut memang terkenal kerana ia adalah klinik milik orang Islam pertama di Negeri Kedah pada waktu itu.

“Saya pelanggan setia dia (Dr. Mahathir) sewaktu dia buka klinik, anak saya sakit, demam jumpa dia,” katanya semasa menyampaikan ucapan penggulungan di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) di sini, hari ini.

Beliau memuji klinik Dr. Mahathir kerana selain dilengkapi dengan surau, Perdana Menteri juga tidak mengenakan bayaran jika pesakitnya tidak mempunyai wang.